

# Pelajar berkungfu di surau

KOSMO 13/7/09 ms 6

Oleh MANIRAH OTHMAN  
manirah.othman@kosmo.com.my



SALAH satu aksi pelajar perempuan yang bertumbuk di surau Ketengah Jaya, Dungun baru-baru ini.

orang lagi dari SMK Rasau Kerteh, Kemaman.

Rakaman seterusnya menunjukkan tiga pelajar *senior* itu membuli dan memukul pelajar dari Rasau Kerteh kerana dia didakwa bercakap besar.

Tiga pelajar itu turut memaki hamun gadis berkenaan dalam dialek Terengganu. Mereka turut menampar, menarik tudung dan rambut selain menendang pelajar dari Rasau Kerteh itu beberapa kali.

Rakaman kemudian menunjukkan pergaduhan melibatkan dua sahabat baik itu selepas mereka dihasut oleh ketiga-tiga pelajar *senior* itu.

Aksi tarik rambut dan sepak terajang antara dua sahabat itu bukan sahaja disorak oleh tiga pelajar itu malah dirakam.

Ekoran rakaman kejadian itu tersebar luas, pelajar tingkatan satu Ketengah Jaya membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu di sini semalam.

Kakak pelajar itu yang berusia 23 tahun, menceritakan, selepas pulang ke rumah pada hari kejadian, adik bongsunya daripada tujuh beradik terus berkurung di dalam bilik.

"Kami tidak tahu kejadian itu sehinggalah rakaman itu tersebar di Internet," katanya ke-

tika ditemui di IPD di sini semalam.

Kata wanita itu, adiknya memberitahu tiga pelajar itu tercabar kerana adiknya adalah pelajar kegemaran guru manakala rakan baiknya itu pula mempunyai rupa menarik.

"Tiga pelajar itu menyebarkan cerita kononnya adik saya dan rakannya saling mengutuk dan membangga diri dan akhirnya bergaduh," ceritanya lagi.

Ekoran itu, ujarinya, dia memujuk adiknya membuat laporan polis.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dungun, Supritendan Dahlan Mohd. Nor memberitahu, pihaknya akan memulakan siasatan dan bakal memanggil pelajar terlibat untuk soal siasat.

"Setakat ini kita belum mendapat maklumat penuh berhubung kejadian kerana pelajar tersebut membuat laporan polis di Kuala Terengganu," katanya ketika dihubungi.

Kejadian itu bukan yang pertama melibatkan pergaduhan pelajar perempuan kerana *Kosmo!* pada 11 Februari tahun lalu pernah menyiarkan insiden pergaduhan pelajar di sebuah sekolah menengah di Dungun.

Pergaduhan tiga pelajar perempuan yang juga dirakam dan disiarkan di dalam *YouTube* itu berlaku kerana berebutkan seorang lelaki yang dikenali sebagai Judin.

## Filem Barat salah satu punca gaduh

Oleh FARHANA HANIM MOHD. MYDIN  
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Sesetengah pelajar perempuan menjadikan sekolah sebagai tempat untuk mereka 'bertanding' sesama sendiri bagi menampilkan kecantikan diri dan merebut teman lelaki.

Itu sebahagian punca remaja sekarang terlibat dalam pergaduhan dan peningkatan gejala sosial itu yang ada kaitan dengan pengaruh luar termasuk filem-filem Barat.

Pensyarah Jabatan Psikologi dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Fatimah Abdullah berkata, pelajar sekarang juga terdedah kepada persekitaran yang begitu mencabar dan memberi kesan ke atas perkembangan fizikal, emosi, psikologi dan sosio-budaya.

"Zaman dahulu, sekolah dijadikan tempat menuntut ilmu dan pelajar berlumba-lumba untuk menjadi yang terbaik serta mendapat nombor satu dalam pelajaran.

"Kini sekolah juga telah dijadikan tempat untuk berlumba-lumba dalam perkara lain seperti bertanding siapa lebih cantik di kalangan remaja perempuan," ujarinya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian mengulas insiden pelajar perempuan di sebuah sekolah di Terengganu yang bergaduh gara-gara mendakwa diri mereka cantik baru-baru ini.

KUALA TERENGGANU - Kerana cantik dan bijak, dua pelajar perempuan yang juga sahabat baik dihasut supaya bertumbuk di sebuah surau di Ketengah Jaya, Dungun 18 Jun lalu.

Aksi bergasak pelajar tingkatan satu berpakaian seragam itu dirakam menggunakan kamera telefon bimbit dan bukan sahaja tersebar



SALAH seorang pelajar yang bergaduh.

tersebar di kalangan pelajar tetapi boleh ditonton di laman web perkongsian *YouTube*.

Rakaman 30 minit itu bermula dengan tiga remaja perempuan tingkatan dua dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ketengah Jaya, Dungun di sini melahirkan rasa tidak puas hati terhadap dua pelajar yang dikatakan menjadi kesukaan ramai.

Dua pelajar cantik dan bijak itu masing-masing pelajar tingkatan satu. Seorang dari SMK Ketengah Jaya manakala se-

## Info Salah laku pelajar

### ■ Mei 2007

Sekumpulan pelajar sekolah menengah di Manir, Kuala Terengganu menyambut Hari Guru dengan memaling kayu dan batu ke kawasan sekolah dan insiden itu dirakam penduduk

### ■ Februari 2008

- Tiga pelajar perempuan sekolah menengah di Dungun bergaduh kerana berebut seorang remaja lelaki dikenali sebagai Judin
- Insiden dirakam pelajar sekolah berkenaan dan disebar di laman perkongsian video *YouTube*

### Oktober 2008

- Dua pelajar sebuah sekolah di kawasan pedalaman daerah Dungun menggemparkan penduduk sekitar apabila rakaman video aksi lucah mereka tersebar di Internet
- Video bertajuk *Tayangan Perdana* dirakam seorang remaja lelaki menggunakan telefon bimbit di dalam sebuah kelas



INILAH surau Ketengah Jaya di Terengganu yang menjadi lokasi kungfu lima pelajar yang bergaduh baru-baru ini.

FAUZI BAHARUDIN

Dr. Fatimah seterusnya berkata, budaya bercinta di sekolah juga antara penyumbang kepada masalah pergaduhan di kalangan pelajar yang berdarah muda.

Pengaruh daripada budaya luar melalui filem-filem yang banyak menonjolkan isu bercinta di alam persekolahan juga menyebabkan ia menjadi ikutan.

Justeru, katanya, bukan hanya pihak sekolah, ibu bapa yang perlu mengawasi anak-anak mereka tetapi pihak media juga tidak seharusnya terlampau obses menayangkan filem-filem dari luar negara yang banyak mempengaruhi tingkah laku golongan muda.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad berkata, cemburu dengan kelebihan pelajar lain dan ingin menjadi yang paling hebat kerap menjadi punca pergaduhan di kalangan pelajar sekolah menengah.

Menurut beliau, ini kerana dalam usia tersebut pelajar sedang mencari identiti sendiri tetapi tersilap menggunakan cara salah kerana belum dapat berfikir dengan matang.

“Apa yang mereka tahu, mereka ingin jadi paling menonjol dan tidak mahu ada orang lebih baik daripada mereka,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.